

Isu dan Cabaran dalam Memperkasakan Ummah melalui ICT

Syahrul N. Junaini

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
Universiti Malaysia Sarawak, 94300 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia
syahruln@fit.unimas.my

Sulaiman Kadikon

Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial
Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Skudai Johor, Malaysia
sulaimankadikon@utm.my

Abstrak— Salah satu faktor yang dikenalpasti sebagai sebab runtuhnya akhlak dan mundurnya umat ini adalah kerana kerosakan dalam nilai sosial dan moral. Justeru untuk memperkasa semula umat hari ini, penguasaan ilmu, melalui penguasaan bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) harus menjadi agenda utama. Ledakan ICT juga telah membuka satu lagi wahana baru dalam arena dakwah. Bagaimanapun, dalam keghairan melayari bahtera kemajuan ICT, Islam sendiri meletakkan adab yang tersendiri. Era kecanggihan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mendedahkan satu cabaran getir bagi umat Islam era digital ini. Hakikatnya semua pihak harus punya pendirian tegas dalam agenda menyusuri arus perdana kemajuan ICT dunia.

Kata kunci: Peranan ICT, memperkasa ummah, ICT dan Islam

1.0 Pengenalan

Lebih kurang 800 tahun dahulu, tradisi pemilikan ilmu dan teknologi terletak di tampuk umat Islam. Baghdad kota raya empayar Islam contohnya telah muncul sebagai peneraju aktiviti intelektual dan penguasa teknologi. Umat Islam pada kurun tersebut gah dicanang sebagai ummah yang disegani. Namun sayang sekali, ummah yang dahulunya pernah menyirami dunia, kenapa hari ini mereka sendiri kelayuan? Salah satu faktor yang telah dikenal pasti oleh Ibnu Khaldun sebagai asbab runtuhnya umat ini adalah kerana kerosakan nilai sosial dan moral [1]. Barat melihat Islam sebagai bersifat mundur dan menafikan pemodenan.

Namun sebenarnya Islam memberikan satu impak yang besar kepada perkembangan ekonomi [2], politik [3] dan kepimpinan [4]. Apa yang pasti agama dan kemajuan ummah bersifat penggenap, saling berkaitan dan bukan sebaliknya [5][6]. Bagaimanapun kemajuan dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) juga tidak akan membawa apa-apa makna jika nilai masyarakat Islam semakin mundur [7]. Islam tidak pernah menentang kehadiran teknologi moden seperti e-dagang dalam memudahkan urusan muamalat harian Umat Islam [8]. Malah sebagai contoh, dalam urusan asas agama seperti Solat, sumbangan teknologi astronomi dan matematik telah memudahkan penentuan arah kiblat [9].

Justeru ledakan ICT hari ini harus digarap bagi membuka satu lagi wahana baru dalam arena dakwah. Berdakwah dengan keadah digital nyata lebih mudah. Kelebihan teknologi Internet menawarkan khidmat dakwah 24 jam sehari, 7 jam seminggu, dari dan ke mana jua di pelosok dunia. Dalam hal ini ICT harus diterima sebagai satu platform baru dalam gerakan dakwah. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan ianya sebagai 100% sempurna. Sekurang-kurangnya ICT harus dilihat sebagai salah satu elemen bagi mempercepatkan usaha dakwah era moden ini. Bagaimanapun, di dalam keghairan melayari bahtera kemajuan ICT, janganlah kita mudah melatah. Islam telah meletakkan adab dan etikanya yang tersendiri. Etika ini sebenarnya sudah wujud sejak lebih 14 abad yang lalu [10].

2. Isu dan cabaran

2.1. ICT: Madu atau racun?

Hari ini, pelbagai konteks maklumat dihidangkan melalui corong-corong media seperti akhbar dan Internet. Umat Islam perlu responsif kepada maklumat yang dibaca, didengar dan diterima. Input yang masuk ke minda manusia sama ada melalui pembacaan atau media lain akan memberi kesan kepada keimanan mereka. Imam mereka sama ada akan meningkat atau terjejas bergantung kepada nilai maklumat yang masuk. Maklumat yang diterima bukan ditelan bulat-bulat tetapi harus